

260 kilogram benih kerang dirampas

Sinar Harian 16/1/2020 m/s 32


Cubaan lelaki seludup 13 guni benih kerang ke Thailand gagal

Oleh ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR

Cubaan seorang lelaki menyeludup 13 guni mengandungi 260 kilogram (kg) benih kerang bernilai lebih RM13,000 ke negara jiran gagal apabila ditahan anggota Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Aksem) Kedah kelmarin.

Komander Aksem Kedah, Abdul Latif Abdul Rahman berkata, benih kerang itu cuba di seludup ke Thailand petang kelmarin namun hasil risikan pihaknya berjaya merampas barang tersebut selain menahan lelaki tempatan berusia 22 ta-



Abdul Latif menunjukkan benih kerang yang dimasukkan ke dalam guni basah untuk diseludup ke Thailand kelmarin.

hun yang juga pemandu kereta berkenaan.

Menurutnya, sepasukan anggota Aksem terserempak dengan kereta Proton Perdana dipandu lelaki berkenaan di Kawasan Perindustrian Bukit

Kayu Hitam dalam keadaan mencurigakan dan mengekor kereta itu sehingga tiba di lampu isyarat.

"Anggota arahkan suspek berhenti namun suspek bertindak memecut laju keretanya ke

kawasan perindustrian.

"Pasukan mengejar sejauh lebih satu kilometer dan berjaya menahan suspek di hadapan Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Kayu Hitam," katanya pada sidang akhbar di pekarangan Bangunan Kementerian Dalam Negeri (KDN) Anak Bukit di sini semalam.

Abdul Latif berkata, hasil pemeriksaan pihaknya menemui empat guni berisi benih kerang di bahagian penumpang belakang ditutup dengan kain hitam manakala sembilan guni di dalam but kereta.

"Kita percaya sindiket ini berhenti di beberapa transit sekitar kawasan ini sebelum mencari peluang untuk menyeludup masuk ke Thailand.

"Benih kerang yang diperdayai dibawa dari perairan Perak itu mendapat permintaan tinggi dari negara jiran kerana di sana tiada pembentihan kerang secara semula jadi," katanya.

Menurutnya, pihaknya percaya suspek yang bekerja kampung hanya mengambil upah daripada pihak ketiga untuk membawa benih kerang berkenaan yang diperdayai dibawa dengan lori sebelum ditransit ke kenderaan bagi mengaburi pihak berkuasa.

"Kemungkinan benih kerang yang dimasukkan dalam guni basah itu lebih tiga hari perjalanan kerana ada benih yang sudah pun mati. Kes ini merupakan tangkapan pertama untuk tahun ini," katanya.

Abdul Latif berkata, barang rampasan dan suspek akan diserahkan kepada Jabatan Perikanan untuk tindakan lanjut.

Kes disiasat mengikut Perkara 3(1) Peraturan-Peraturan Perikanan (Pemuliharaan dan Kultur Kerang) 2002 dan jika sabit kesalahan, boleh didenda RM20,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya.